

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menaik taraf mutu perkhidmatan dan prasarana di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) amat komited untuk memastikan mutu perkhidmatan, infrastruktur dan kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berada pada tahap yang terbaik.

2. Dalam hubungan ini, pihak MAHB sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif melalui pelaksanaan kerja-kerja naik taraf perkhidmatan, infrastruktur dan kemudahan fasiliti yang terdapat di KLIA. Kerja-kerja naik taraf yang sedang dan telah dijalankan antara lainnya, adalah seperti berikut:

i. Penggunaan Sistem *Airport Collaborative Decision Making* (ACDM)

Penggunaan sistem *Airport Collaborative Decision Making* (ACDM) adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi lapangan terbang dengan mengintegrasikan sistem maklumat, komunikasi dan operasi pelbagai pihak seperti pengendali lapangan terbang, syarikat penerbangan, *Ground Handlers* dan kawalan trafik udara.

Sistem ini telah diguna pakai sejak bulan November 2024 setelah melalui proses ujian selama hampir setahun. Dengan adanya sistem ACDM, ia mampu untuk mengoptimumkan penggunaan sumber seperti landasan penerbangan, pemakiran pesawat dan penggunaan peralatan dan jentera bagi mengendalikan sesebuah pesawat dan penerbangan. Selain dengan meningkatkan tahap kecekapan dan mengoptimumkan sumber, sistem ini dapat menyumbang dalam inisiatif kerajaan untuk mencapai zero karbon (*Zero Carbon*) 2050.

ii. Penggantian Aerotrain

Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang melaksanakan projek penggantian Aerotrain dengan sistem dan infrastruktur baharu yang menggunakan teknologi moden dan lebih efisien. Aerotrain yang baharu ini dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2025.

iii. Penggantian dan memperbaharui Sistem Pengendalian Bagasi

Bagi meningkatkan kecekapan pemprosesan bagasi, sistem pengendalian bagasi di KLIA Terminal 1 sedang melalui proses penggantian keseluruhan sistem, termasuk mesin pengimbas dalam talian atau *In-line Scanning Machines* dan kenderaan pembendung bahan letupan mudah alih atau *Mobile Explosive Containment Vehicle* (MECV) yang baharu. Kerja - kerja penggantian ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2026.

iv. Kaunter Daftar Masuk Layan Diri atau *Common Use Self Service* (CUSS) dan Daftar Masuk Bagasi Layan Diri atau *Self Service Bag Drop* (SSBD)

Bagi mempertingkatkan kapasiti dan kecekapan proses daftar masuk (*Check-in*) di KLIA, MAHB sedang memasang 85 unit Kaunter Daftar Layan Diri (*Common Use Self Service Kiosk*) dan 66 unit Daftar Masuk Bagasi Layan Diri (*Self Service Bag Drop*). Ini bagi memudahkan penumpang yang layak menggunakan kemudahan ini daripada menggunakan kaedah konvensional iaitu di kaunter. Kedua-dua kemudahan ini akan dapat mempercepatkan proses daftar masuk penumpang dan mengurangkan kesesakan di kaunter.

v. Menaiktaraf Surau di KLIA Terminal 1 dan Terminal 2

MAHB telah menaiktaraf 25 unit surau di KLIA Terminal 1, manakala kerja - kerja untuk menaik taraf 40 unit surau di KLIA Terminal 2 pula sedang giat dijalankan. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2025 dan bakal memberikan keselesaan yang maksimum kepada penumpang dan pengunjung KLIA.

vi. Penambahan Kakitangan Pembantu Khidmat Pelanggan atau *Customer Service Assistant (CSA)*

Selain meningkatkan kemudahan fasiliti dan infrastruktur, pihak MAHB turut merancang untuk menambah jumlah kakitangan *Customer Service Assistant (CSA)* seramai 200 orang bagi meningkatkan pengalaman khidmat pelanggan kepada penumpang dan dan pengunjung KLIA. Proses Pengambilan CSA ini telah bermula pada bulan November 2024 dan dijangka selesai pada Januari 2025.

vii. Menaiktaraf Bilik Menunggu Khas (VIP) di KLIA Terminal 1 dan Kompleks Bunga Raya

MAHB juga sedang menaiktaraf Bilik Menunggu Khas (Bilik VIP) dan Kompleks Bunga Raya bagi persediaan Malaysia untuk Kepengerusian ASEAN Tahun 2025. Kerja-kerja naik taraf yang sedang dilaksanakan merangkumi penukaran karpet, perabut, sofa, sistem penghawa dingin dan hiasan dalaman. Kerja-kerja ini dijangka siap sepenuhnya sebelum akhir tahun ini.

viii. Menaik Taraf Sistem Penghawa Dingin di KLIA Terminal 1

Bagi meningkatkan keselesaan penumpang dan pengunjung ke KLIA, MAHB sedang dalam perancangan untuk menaik taraf sistem penghawa dingin di Terminal 1 secara

berperingkat yang melibatkan 162 *Air Handling Units* (AHU) dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027.

ix. Menaiktaraf dan mengemas kini sistem operasi dan keselamatan lapangan terbang

MAHB sedang giat menaik taraf dan mengemas kini sistem digital lapangan terbang, secara khususnya sistem-sistem seperti Sistem Pengurusan Lapangan Terbang (*Airport Management System*), Pengurusan Jadual Penerbangan (*Flight Management System*), Pengurusan Pemakiran Kapal Terbang (*Gate Allocation System*), Sistem Kawalan Keselamatan (*Airport Security System*) serta Pengurusan Sumber Lapangan Terbang (*Resource Management System*).

Dengan menaiktaraf sistem digital lapangan terbang ini, pengoperasian lapangan terbang akan dapat di uruskan dengan lebih cekap dan selamat.

x. Menaik taraf sistem di bangunan tempat letak kereta

MAHB telah menaik taraf sistem di bangunan tempat letak kereta dimana kini, ia dilengkapi dengan sistem pengenalan nombor plat kenderaan atau *License Plate Recognition* (LPR) dan penggunaan bayaran tanpa tunai (*cashless parking*). Migrasi penuh ke sistem LPR ini telah dillaksanakan secara berperingkat dan siap sepenuhnya pada 19 November 2024.

Selain daripada kerja-kerja yang telah disenaraikan ini, terdapat banyak lagi kerja-kerja naik taraf yang sedang dalam perancangan seperti penggantian aset-aset lama yang antara lainnya *Passenger Boarding Bridge* (PBB), lif, *Escalator* dan papan penunjuk arah.

3. Dalam hubungan ini, MOT melalui MAHB amat komited melalui pelaksanaan pelbagai langkah-langkah ini untuk memastikan mutu

NO. SOALAN: 36

perkhidmatan, infrastruktur dan kemudahan di KLIA berada di tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.